

18 SEP 1999

Mahathir-Luncur

LUNCUR UDARA CABARAN KINABALU DILANCARKAN PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Kejohanan jemputan Luncur Udara atau Cabaran Kinabalu `99 dilancarkan oleh Perdana Menteri hari ini di Kelab Golf Gunung Kinabalu, kira-kira 10 km dari Taman Negara Kundasang.

Dalam ucapannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata acara itu akan menjadi satu lagi penggalak kepada industri pelancongan Sabah dalam masa terdekat.

"Saya yakin kita boleh menarik banyak pelancong ke negeri ini jika kita menggunakan aset yang ada secara yang terbaik, terutama Gunung Kinabalu yang merupakan gunung tertinggi di Asia Tenggara," katanya.

Oleh itu Perdana Menteri berharap Cabaran Kinabalu yang diadakan buat pertama kali, akan dijadikan acara tahunan dan jika boleh dengan penyertaan para peluncur udara tempatan.

"Saya pasti bagi mereka yang meluncur di sini akan melihat dari udara bagaimana indahnya pemandangan di negara ini dari udara," katanya.

Kabanyakan kegiatan luncur udara itu dilakukan dalam cuaca berbeza yang dari segi tumbuh-tumbuhan tidak sekaya di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir yakin aset dan pemandangan indah di Malaysia, akan memenangi tawaran yang dibuat untuk menganjurkan Kejohanan Luncur Udara Sedunia 2003.

Sepuluh peluncur udara kelas dunia dari Amerika Syarikat, Australia, Ukraine, United Kingdom, Itali, Jerman dan Perancis mengambil bahagian.

-- BERNAMA

NT RON